

**PEMBANGUNAN PELABUHAN SANDAKAN
OLEH BRITISH NORTH BORNEO
COMPANY DAN KESANNYA DALAM
PERKEMBANGAN EKONOMI REGIONAL,
1930AN**

*(THE DEVELOPMENT OF SANDAKAN PORT BY BRITISH
NORTH BORNEO COMPANY AND ITS INFLUENT ON
REGIONAL ECONOMIC GROWTH, 1930S)*

Suribidari Samad

History Department, University Malaya

Indonesian Institute of Sciences, Research Centre for Regional Resources

(LIPI, P2SDR), Jakarta – Indonesia

(sbidari@gmail.com)

Abstract

This study is on the history of Port Sandakan and surrounding ports in North Borneo. Sandakan functioned as one of the primary port for the product of the plantation. Sandakan was developed from Elopura, a small *entreport* which was considered as unpromising because it was not located in the major trade lanes and there was no major trade product. At the beginning of the 1900s, British developed and modernized it into Sandakan port which soon known to the public as the trading centre of tobacco and rubber which later emerged as the main port for timber. Sandakan became important mainly due to the British control, the increasing demand of the global market and the impact of the industrial revolution to the maritime trading. It is assumed that even though Sandakan was located in the eastern part of Borneo which is considered the 'periphery' in the Southeast Asian region, it was externally oriented. The study examines the development of Sandakan from a small insignificant port to one of the main maritime trading centre.

Keywords: Port history, Sandakan, British North Borneo Company (BNBC), global market, maritime trading

Pengenalan

Penubuhan dan perkembangan pelabuhan sebagai akibat pengaruh ekonomi dunia, menjadi satu kajian penting apabila beberapa catatan sejarah Asia memperlihatkan kaitan rapatnya dengan perdagangan maritim. Terutama bagi kawasan *archipelago* Asia Tenggara yang sebahagian besar penghubung antara satu kawasan dengan kawasan lainnya adalah lautan. Penguasaan maritim di Asia terutama bertumpu pada perdagangan di Tanah Besar China. Namun menjelang akhir abad ke-16, Eropah mula turut memasuki perdagangan maritim di Asia, dan secara perlahan menguasai laluan perdagangan di Asia terutama pada pertengahan abad ke-19.

Industrialisasi di Eropah, yang merupakan hasil rangkaian penemuan sains dan kemajuan teknologi, mempunyai kaitan yang rapat dengan masuknya sistem ekonomi baru di Asia dalam konteks perdagangan global. Sistem ekonomi baru ini berdasarkan pada hasil barangan kilang, yang kemudian masuk ke dalam sendi sosio-ekonomi Asia Tenggara yang asalnya berdasarkan pada ekonomi pertanian dan kelautan. Kemunculan kapasiti industri di antara negara-negara Eropah itu dan konskuensi terhadap permintaan bahan mentah telah mendorong wujudnya persaingan kuat di antara bangsa-bangsa Eropah untuk mengendalikan sumber bahan mentah yang berpotensi, yang merupakan produk utama kawasan tropik Asia.

Pada perkembangannya penguasaan Asia yang berjaya dalam perdagangan maritim semenjak awal lagi beransur-ansur lumpuh setelah Revolusi Industri, dan kuasa Eropah mula mengambil alih penguasaan tersebut. Pelbagai pembaharuan dilakukan mengikut kebijaksanaan dan aturan mereka.

Demikian pula dengan Kerajaan British. Salah satu sasaran utama Kerajaan British adalah untuk meluaskan tanah jajahannya di Asia Tenggara. Dengan perkembangan akibat dari Revolusi Industri dan pembukaan Terusan Suez, perluasan pengaruh Kerajaan British di Asia Tenggara telah nampak dengan kemunculan pelabuhan-pelabuhan dagang, baik yang dirancang maupun pelabuhan semula jadi yang telah ada sejak masa perdagangan awal di Asia. Usaha mereka mengawasi kawasan-kawasan pantai yang strategik bertujuan untuk menguasai laluan dagang antara Benua Asia dan Eropah. Menguasai kawasan pantai bermakna pelabuhan menjadi titik awal penguasaan mereka ke atas laluan perdagangan maritim Asia-Eropah. Peranan penting pelabuhan sebagai pendukung ekonomi kawasan rantau juga telah dikaji dan menjadi isu penting hingga masa kini (Nazery Khalid, 2008, 2009).

Di Asia Tenggara, penguasaan British pada bahagian kawasan barat Nusantara berjaya setelah pembentukan Pulau Pinang dan Singapura sebagai

pelabuhan pada tahun 1786 dan 1819. DJM Tate (1979, hlm. 2) menyebutnya sebagai pintu gerbang masuknya zaman industri, "From the outset the region was inextricably involved in the industrialization of the West not only as a natural source of raw materials and as a potential market, but also as an agent in the genesis of the Industrial Revolution itself". Kedua pelabuhan tersebut merupakan tumpuan berbagai jenis kapal dagang yang berada dalam laluan perdagangan antara China - India - Eropah. Kejayaan pembentukan pelabuhan-pelabuhan yang ditubuhkan British didukung oleh kebijaksanaan dan dasar *pintu terbuka* (*open door policy*) serta sistem perdagangan bebas. Selain itu, kejayaan ini juga berhubung rapat dengan pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869, dan juga peranan kawasan Asia sebagai ejen tumbuh dan berkembangnya Eropa dalam masa Revolusi Industri.

Dibahagian tengah dan timur kawasan Nusantara pun mengalami perkembangan yang cukup berarti. Ada beberapa pendapat yang menyatakan bahawa Borneo, secara khusus dalam kajian ini adalah Borneo Utara, dianggap tidak akan pernah dapat menjadi satu interseksyen yang penting dalam laluan perdagangan dunia, kerana dari sudut geografis terlalu jauh ke utara dari gugusan pulau Nusantara, dan juga terlalu jauh dari "*mainland trade*". Dengan demikian letaknya merupakan titik terjauh dari "*major trade lanes*", di antaranya adalah pelabuhan Sandakan di pantai timur Borneo Utara.

Pendapat yang menyatakan bahawa bahagian Borneo Utara tidak akan pernah menjadi satu interseksyen penting dalam laluan perdagangan dunia, pada perkembangan berikutnya mulai diragukan. Beberapa pelabuhan telah berkembang dengan baik, kerana posisinya yang berada dalam laluan perdagangan antara Asia Timur (Hong kong, Jepun) dan Australia. Di antara pelabuhan-pelabuhan itu adalah Jesselton dan Kota Belud di bahagian barat; Kudat di bahagian utara; Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Samporna di bahagian timur Sabah. Pelabuhan-pelabuhan ini lebih berfungsi sebagai pelabuhan komoditi kerana didukung oleh potensi sumber hasil laut dan hasil hutan tempatan, seperti tripang, mutiara, sarang burung, dan rotan. Kemudian hasil perladangan seperti tembakau dan getah.

Bagaimanapun, di Borneo terdapat pelabuhan-pelabuhan yang mengalami kemunduran atau pun lumpuh akibat serangan lanun mahupun kerana wujudnya persaingan kuat antara pelabuhan, seperti Pelabuhan di Teluk Gaya dan Usukan di bahagian barat Borneo; ataupun pelabuhan di Teluk Marudu di utara Borneo; dan pelabuhan di Teluk Labuk dan Darvel di bahagian timur. Pelabuhan Sandakan adalah diantaranya yang bertahan kerana letaknya yang strategik secara geografis dan potensinya sebagai pelabuhan yang dikelilingi oleh sungai-sungai besar. Sandakan kemudian telah

mengkhaskan potensinya pada komoditi *hinterland* dan semenjak masa perdagangan awal masa Kesultanan Sulu, Sandakan yang masuk dalam distrik Mangindora telah terlibat dalam perdagangan dan dikenal ramai di kawasan rantau ini. Ia menumpukan hasil komoditinya ke Tanah Besar China (Mohammad Raduan Mohd. Ariff, 1995, hlm. 40-48; *BNBH*, 1884, hlm. 4ff.; *Handbook of British North Borneo*, 1886, hlm. 59ff.) dengan komoditi utamanya adalah mutiara, sarang burung dan tripang. Menjelang akhir abad ke-18, Kesultanan Sulu telah memainkan peranan penting dalam penguasaan perdagangan di Asia Tenggara dengan menempatkan posisinya sebagai *regional Emporium* untuk laluan perdagangan Eropah dan Tanah Besar China.

Dalam perkembangan kuasa Eropah (British) masuk ke Asia Tenggara, dan mundurnya kuasa Asia (Taosug-Sulu) di Borneo, Sandakan yang memiliki potensi hasil hutan dapat berkembang pesat seiring dengan perkembangan ekonomi dunia. Potensi Sandakan telah disokong oleh pelabuhan-pelabuhan disekitarnya, begitu pula sebaliknya, kegiatan ekonomi pelabuhan lainnya bersandar pada kepentingan Sandakan sebagai pelabuhan utama di Borneo Utara.

Wujudnya kawasan-kawasan baru (pelabuhan baru) yang telah dibuka oleh *British North Borneo Company* (BNBC) adalah bertujuan menjadi stesen pentadbiran BNBC, diantaranya Tawau, Silam (Lahad Datu), Kinabatangan, Kudat dan Papar. *British North Borneo Chartered Company* ditubuhkan pada 1 November 1881 di London – namun secara rasmi baru pada Mei 1882, untuk mentadbirkan satu teritori/kawasan di Borneo Utara. Seterusnya dalam artikel *British North Borneo Company* ini akan dituliskan secara singkat iaitu BNBC.

Kebanyakan kawasan ini dipilih sebagai stesen BNBC kerana mempunyai kepentingan dari aspek pertanian, perlombongan dan perdagangan yang menjadi sumber pendapatan bagi BNBC.

Dari Elopura kepada Sandakan

Sandakan, sebelumnya dikenal dengan nama Elopura, dibentuk sebagai sebuah pelabuhan pada masa Wiliam B. Pryer bermula menubuhkan satu pelabuhan '*entreport*' di Buli Sim Sim pada 21 Jun 1879. Sebenarnya, pada tahun 1774, Angkatan Tentera Laut British telah mula meninjau kawasan ini untuk dijadikan sebagai pelabuhan tentera laut mereka, baru selepas 100 tahun kemudian, William Pryer memutuskan untuk menjadikan Teluk Sandakan sebagai satu pelabuhan komoditi bertaraf antarabangsa.

Penubuhan pelabuhan oleh Pryer merupakan satu bahagian daripada pengaruh perdagangan global, seperti yang dinyatakan oleh Furnival (1956, hlm. 4),

Further economic development in Europe built-up large scale enterprise, needing a secure command over vast quantities of raw materials which natives working by their own methods were unable to supply; at the same time it created surplus of capital available for overseas investment. Thus from about 1870 with the opening of the Suez Canal, the tropical market ceased to be the main object of colonial policy, which now aimed at obtaining the necessary raw materials of industry by the rapid development of the tropics through Western enterprise.

Elopura kemudian ditubuhkan pada bahagian sisi utara Teluk Sandakan. Pelabuhan yang sebelumnya berada sekitar 12 batu lebih jauh ke dalam teluk yang dikenali dengan nama *kampung German*. *Kampung German* pada masa itu didirikan oleh Cowie dengan tujuan sebagai pangkalan senjata untuk diseludupkan ke Jolo, yang pada masa itu berada di bawah kawalan kuasa Sepanyol.

Sebagai sebuah teluk, nama 'Sandakan' pertama kali disebutkan dalam sebuah literatur oleh Thomas Forrest (1779) dalam bukunya yang berjudul *A Voyage to New Guinea and the Moluccas from Balambangan: Including an Account of Mangindanao, Sooloo and Other Island*. Forrest telah melalui kawasan ini pada 21 Januari 1776. Pada masa sekarang ini Sandakan adalah satu kawasan yang merupakan bahagian dari negeri Sabah dengan menumpukan perekonomian utamanya pada kayu balak. Sebelum abad ke-19, kawasan negeri Sabah adalah sebahagian daripada wilayah Kesultanan Brunei. Namun demikian sebahagian daripada kawasan Sabah di pantai timur berada di bawah naungan kuasa Sultan Sulu yang berpusat di Jolo, diantaranya iaitu Sandakan.

Teluk Sandakan yang pada masa itu merupakan bahagian daripada teritori kekuasaan Sultan Brunei, kemudian telah diserahkan kepada Sultan Sulu pada tahun 1704, sebagai satu balas budi atas pertolongan Sultan Sulu menumpas pemberontakan dalam kawasan teritorinya (Tregonning, 1965, hlm. 11). Kesultanan Sulu dengan pusat pentadbiran di Jolo, mempunyai struktur sosial dan politik masyarakat Taosug. Dengan pentadbiran masyarakat Taosug yang menganut sistem tidak langsung (*indirect rule*), setiap kawasan pulau dan muara sungai dari masyarakat tempatan, yang berada di bawah kuasanya, diwakilkan oleh datu atau *sherif* sebagai pelindung keselamatan mereka.

Di bahagian timur Borneo Utara, kawasan kuasa pemerintahan Sulu dibahagi ke dalam empat daerah. Dalam tulisannya mengenai struktur ekonomi Sulu di Sabah, Ranjit Singh (1984, hlm. 394-402) menempatkan kawasan ini sebagai *eastern trade zone*, yang sangat erat hubungannya dengan

sistem perdagangan Sulu dan laluan perdagangan dengan Cina dan kawasan Philipina sekarang. Di kawasan ini Sandakan merupakan bahagian dari daerah Mangindora, dan berada di bawah kawalan ikatan yang kukuh orang-orang Sulu. Kawalan ini cenderung sebagai satu pemahaman kuasa tenaga kerja daripada kawalan kuasa teritori. Perkara ini tampak pada tipikal kepimpinan di pantai timur Borneo, iaitu yang diketuai oleh seorang datu, sherif atau orang-orang kaya. Sistem perekonomian kawasan pantai timur yang berpusat di Sandakan pada masa itu bergantung pada tipikal kepimpinan ini, yang disokong dengan kawalan sistem laluan sungai yang merupakan sebahagian besar sistem transportasi kawasan pantai timur.

Dalam hirarki sistem ekonomi masyarakat Taosug di Borneo-Sulu, seorang Datu akan mengawal dan menguasai lalulintas perdagangan melalui paling tidak satu sistem laluan sungai. Sistem ini menjadikan seorang Datu sebagai ketua *entrepreneurs* dan *organisers* segala aktiviti yang berhubungan dengan eksploitasi sumber-sumber alam semula jadi (*natural resources*). Datu ini sebenarnya ditunjuk dengan persetujuan kuasa sultan sebagai balasan akan duti tahunan yang harus mereka serahkan. Biasanya, para Datu memposisikan diri mereka pada satu pusat laluan genting di sepanjang laluan sungai yang paling mudah dicapai oleh para pedagang. Dari pusat laluan itu mereka mengelola dan melakukan kawalan ke atas seluruh lalulintas perdagangan di sungai Kinabatangan. Pada stesen-stesen kawalan ini biasanya ditempatkan orang-orang suruhan Datu yang masih muda, manakala para Datu itu sendiri mengurus perkara yang dianggap lebih serius dan penting, seperti masalah kawalan terhadap kawasan pantai agar bersih dari perompak laut atau pun ancaman yang dapat mengganggu kawasan kuasanya (Ranjit Singh, 1984: 401). Dengan sistem yang demikian, maka para Datu mampu untuk mengawal seluruh sistem laluan sungai tanpa perlu mengukuhkan satu kawalan politik ke atas seluruh masyarakat asli yang tinggal di pedalaman.

Dengan tipikal kepimpinan Datu, maka seorang datu atau sherif akan mempunyai pengikut orang-orang merdeka atau pun para hamba, kerana datu atau sherif dapat memberikan perlindungan dari segi keamanan maupun ekonomi. Mereka biasanya melakukan pekerjaan-pekerjaan yang dibebankan kepada ketua mereka, seperti mengutip hasil hutan, berladang, dan juga mengutip 'upeti' dari penduduk kawasan pedalaman. Sebagai balasannya mereka menerima barangan tukaran seperti garam, pakaian dan jenis-jenis senjata yang berguna untuk perlindungan mereka dari *vassal* yang bukan wakil dari datu atau sherif pelindung mereka.

Di Sungai Kinabatangan setidaknya sebagai laluan utama menuju pelabuhan Sandakan, seluruh laluan sistem perdagangan sungai ini dimonopoli oleh pedagang-pedagang Sulu. Kemungkinan ada tiga tingkatan

elite tempatan yang terbabit dalam trafik dagang ini: pertama, para pedagang Sulu pada tingkat lokal yang hilir mudik di laluan sungai dengan rakit membawa barang-barang dagangan dari gudang ataupun dari "stesen" di pusat Sungai Kinabatangan ke kawasan pedalaman. Hampir dari semua *pedagang keliling* ini adalah para *haji*; kedua, mereka yang terbabit dalam perdagangan *barter*, iaitu para pedagang keliling dengan para *pendatang/orang asing* yang tinggal menetap di kawasan pedalaman, di depot stesen pusat. Pada tingkatan kedua ini, banyak para pedagang yang terbabit dengan para pendatang asing ini adalah pedagang Sulu dan China. Kebanyakan dari mereka mengutip hasil hutan untuk disimpan dalam stor untuk diekspor, ataupun menyimpan barang dagangan yang mereka bawa dari luar/pelabuhan sebagai perbekalan bagi komuniti pedalaman. Sedangkan tingkatan yang ketiga membabitkan lalulintas/trafik antara gudang perbekalan eksport ke pusat-pusat dagang asing/luar. Pusat dagang asing ini terutama adalah ke Jolo, namun juga ke Labuan, Manila dan tentunya terutama dengan China.

Keperluan kawasan Borneo Sulu, terletak pada satu kenyataan bahawa kawasan ini kaya dengan hasil laut dan juga hasil hutan khususnya pada waktu Kesultanan Sulu, Sandakan menjadi trafik perdagangan yang aktif (Mohammad Raduan Mohd. Ariff, 1995).

Di bawah kuasa Kesultanan Sulu, Sandakan dikenali sebagai pengkalan tempat pertukaran (*entrepot*) hasil hutan dan hasil laut dari kawasan sekitarnya seperti daerah Mangindora dengan Labuk, Malapi, Penangah and Silam sebagai stesen-stesen pengumpulan. Barang-barang dari berbagai stesen ini kemudian ditukarkan dengan barang-barang dagangan dari pedagang Arab, China dan Bugis yang datang ke Sandakan.

Komoditi Sandakan yang sangat dikenali pada masa itu antara lainnya ialah sarang burung, kapur barus, getah-perca, rotan, lilin, tripang, agar-agar dan mutiara. Hasil pengeluaran dari Sandakan ini dapat dikatakan merupakan bahagian terbesar barang dagangan antara perdagangan kapal-kapal layar Sulu dengan China. Komoditi utama seperti sarang burung dan mutiara itu ditukar dengan sutera, teh, rempah-ratus, senjata dan ubat bedil. Selain itu juga untuk ditukar dengan bahan makanan, pakaian, garam atau pun barangan berharga dalam bentuk perak dan perunggu (Black, 1983, hlm. 14-15).

Bagi Kesultanan Sulu perdagangan ini mempunyai nilai kepentingan yang sangat besar, kerana pada awal abad ke-18 dan 19, Sulu dikenali sebagai sebuah kerajaan maritim dengan hasil laut sebagai komoditi dagangan terutama indung mutiara, mutiara, mahupun benih mutiara, ikan jerung/sirip ikan jerung dan rumput laut/agar-agar. Selain komoditi hasil laut, Sulu juga sangat dikenal sebagai pengeksport sarang burung ke China, yang pada masa

itu dianggap sebagai satu komoditi yang sangat eksklusif (Bhar, 1980, hlm. 120ff.).

Sandakan di Bawah Pentadbiran *British North Borneo Company* (BNBC)

Sandakan mula dikenali sebagai sebuah pelabuhan moden ketika berada di bawah pentadbiran *British North Borneo Company* (BNBC). Semenjak itu semua polisi diputuskan oleh *the London Summit*, yang telah menubuhkan *Courts of Directors* atau Dewan Pengarah (selanjutnya dalam tulisan ini dituliskan dengan CD), yang terdiri daripada pemegang saham yang kuat dan diketuai oleh seorang *chairman*. Dewan Pengarah ini mempunyai satu kuasa yang besar atas setiap polisi yang dibuat, yang berasas pada permintaan pasaran global dan cenderung kepada kepentingan “benefit”.

Ibukota pertama dari BNBC pada masa itu adalah Kudat, namun kemudian pada tahun 1883 ibukota dipindahkan ke Sandakan. Sebenarnya semenjak masa awal perdagangan, Sandakan telah menunjukkan harapan yang dijangkakan sebagai sebuah ibukota oleh Overbeck, yang mana dengan lebih awal ia telah menempatkan William Pryer sebagai residen sejak tahun 1878. Overbeck juga menjangkakan perkembangan hasil perladangan dan perdagangan akan berpusat di Sandakan, kerana pada masa itu bahagian pantai barat Borneo utara masih dalam proses negosiasi pengalihan hak atas tanah dari para *chief* kawasan pantai barat kepada BNBC.

Untuk menguruskan pemerintahan tempatan, kemudian ditempatkan seorang gabenor di Borneo Utara. Ini bermakna terjadi dualisme di dalam pentadbiran BNBC. Pada satu pihak adalah CD yang mempunyai kuasa atas setiap polisi yang dibuat untuk BNBC, dan pada pihak lain adalah gabenor yang menjalankan pentadbiran tempatan. Dalam perkara perkembangan pelabuhan Sandakan, dualisme polisi ini dalam pelaksanaannya kemudian boleh menjejaskan lalulintas perdagangan pada pelabuhan terbabit, kerana perbezaan pandangan polisi antara CD dan Gabenor.

Semenjak British mula tertarik meluaskan tanah jajahannya di Borneo, terutama dimulai pada masa pentadbiran BNBC, komoditi utama pelabuhan Sandakan mula beralih. Pada masa Kesultanan Sulu ekonominya bertumpu pada multi komoditi, seperti hasil laut dan hasil hutan, maka pada masa pentadbiran BNBC mula beralih kepada hasil perkebunan-perladangan, antaranya iaitu tembakau, getah dan kayu balak.

Seperti yang disebutkan oleh Owen Rutter (1922, hlm. 35) dalam kajiannya mengenai Sandakan sebagai pengeluar getah:

The harbor is 5 miles across as its broadest points and 117 in length, while it is watered by seventeen rivers, the largest of which is the Segaliud,; other are Bode and Sekong, each of which has a rubber estate upon banks.

Menurut Rutter (1922, hlm. 44) Sandakan juga sebagai pengeluar balak:

“Sandakan is the center of the main lumber trade, the logs being floated in from the timber camps across the bay ...; it is the commercial capital of the country and by far the busiest port”.

Namun pada masa awal perekonomian eksport komoditi perladangan, iaitu pada periode akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, BNBC lebih bertumpu pada komoditi tembakau. Sebagaimana pernyataan dari Pryer, bahawa pada akhir abad ke-19 ada kecenderungan dari para pengusaha perkebunan dari *Sabah Land-Farming Company* yang bekerjasama dengan para *Tuan Kebun* dari Deli untuk membuka kawasan hutan di sekitar Sandakan. Kawasan ini meliputi bahagian selatan dari teluk Sandakan yang dianggap cukup baik untuk penanaman tembakau.

Usaha kerjasama ini juga disokong oleh beberapa pengusaha perkebunan amatir British yang dengan segera mendatangkan para pekerja China dari Singapura, seperti yang dilakukan oleh Mr. Gibson pada bulan Mac 1883 telah tiba dengan kuli China sebanyak 95 orang. Walaupun usaha ini bersifat amatir dan hasilnya mengecewakan, namun Mr. Gibson yang telah memulai pertama kali usaha pelaburan dalam bidang komoditi perkebunan di Borneo Utara, terutamanya di kawasan Sandakan. Ini bermakna telah semenjak tahun 1883, usaha menerokai hutan kawasan Sandakan telah dimulai.

Kegagalan penanaman tanaman tembakau pada bahagian selatan pelabuhan Sandakan kemudian membawa kepada usaha penerokaan hutan bahagian utara pelabuhan Sandakan, terutama dimulai oleh para pengusaha tembakau dari Jerman:

Trade has given the preference to Sandakan, and it was found imperatively necessary to remove to a situation more favorable for the conduct of business. In Kudat Bay, on Banguay island, and in the upper part of Sandakan harbor, tobacco has been successfully grown. Several companies have been formed for extending its cultivation. The prospects have become brighter through the commencement, chiefly by German enterprise, of the cultivation of tobacco in its immediate vicinity. (Tarling, 1992, hlm. 9)

Walaupun BNBC sangat bertumpu pada komoditi hasil perladangan seperti tembakau, tidak dapat dinafikan bahawa semenjak masa pemerintahan kerajaan Sulu Sandakan telah menjadi pengeluar beberapa *minor* komoditi lainnya seperti gutta-percha (NBH, 1886b). Misalnya, nilai eksport hasil pengumpulan gutta pada tahun 1885 bernilai sekitar \$2485.41. Hasil utama lainnya terbatas pada hasil dari hutan, seperti rotan, kapur barus, sarang burung, *beeswax*, dan berbagai ragam kayu balak yang mempunyai kuantiti sangat besar. Sedangkan hasil perladangan yang utama selain tembakau adalah sago, lada dan gambir; dan hasil laut yang masih diperdagangkan antaranya adalah trepan dan mutiara.

Sistem yang dipakai oleh BNBC untuk mengumpulkan hasil pengeluaran hutan ini adalah sistem kawalan sungai yang telah ada semenjak masa kerajaan Sulu. BNBC melanjutkan sistem pengumpulan duti/cukai ini dengan cara menempatkan para kakitangannya di stesen-stesen pengumpulan di sepanjang laluan sungai seperti di Labuk, Malapi, Panangah dan Silam (BNBH, 1886, hlm. 246-252). Selain stesen-stesen tersebut, BNBC masih mengakui beberapa kawasan yang masih dianggap sebagai kawasan yang bebas dari pentadbiran hegemoni BNBC, yaitu kawasan yang masih dikuasai oleh para 'pangeran' Sulu tempatan, terutamanya adalah kawasan seperti kawasan pengeluar sarang burung.

Di samping melanjutkan sistem kawalan sungai yang telah dimulai sejak masa kerajaan Sulu, pentadbiran BNBC terhadap kawasan pedalaman juga menggunakan sistem kawalan secara tidak langsung melalui para Datu dan *chief*. Para Datu ini dibayar oleh BNBC untuk mengawal kawasan pedalaman dan mereka akan dikunjungi oleh para pegawai BNBC yang dilakukan secara periodik untuk dituliskan dalam laporan pentadbiran BNBC.

Dengan ditubuhkannya BNBC, kawasan Borneo Utara secara rasmi telah berada di bawah hegemoni Kerajaan British. Dengan *charter* ini selain bermakna BNBC memperoleh pengakuan rasmi atas penyerahan hak kawasan Borneo Utara, juga bermakna bahawa BNBC memperoleh anugerah syarikat kuasa yang sangat luas sebagai sebuah syarikat dagang. Matlamat BNBC sebagai sebuah syarikat dagang adalah menerokai semua sumber alam di kawasan ini dengan memasukkan modal dan memperkenalkan sistem buruh upah, yang bermakna adalah memperkenalkan sistem *laissez-faire*. Satu kajian mengenai *laissez-faire* di kawasan Nusantara telah dituliskan oleh Sivachandralingam Sundara Raja (2014, hlm. 41-53).

Walaupun BNBC memperolehi hak kuasa penuh atas Borneo Utara, namun karakter BNBC sebagai sebuah syarikat dagang berpiagam tetap semata-mata mengikuti karakter kerajaan British. Ini bermakna bahawa BNBC tidak dapat melakukan alih kuasa teritori tanpa persetujuan kerajaan British.

BNBC mempunyai hak dagang namun pada asasnya tidak dapat menganugerahkan atau pun melaksanakan satu hak monopoli.

Di samping itu dengan masuknya BNBC, bermakna Borneo Utara telah diperkenalkan dengan sistem pemerintahan moden Barat, yang mana pentadbirannya dilaksanakan oleh seorang Gabenor, dan dibantu oleh sebuah Majlis, seorang *Colonial Secretary*, dan Residen. Model pentadbiran mengikuti model *British Crown Colony* sejauh yang dapat disesuaikan dengan kondisi tempatan. Dalam pentadbirannya ia mempunyai kuasa menghapuskan sistem perhambaan yang sebelumnya dipakai oleh kerajaan Sulu; dan juga kuasa mentadbir dengan undang-undang yang dibuatnya dengan tentunya mempertimbangkan dan menghormati undang-undang dan kebiasaan penduduk asli. Namun demikian, undang-undang yang dibuat dan dilaksanakan oleh BNBC ke atas penduduk asli tidak dapat mencampuri perkara agama mereka.

BNBC yang ditubuhkan melalui piagam kerajaan British, walaupun merupakan sebuah syarikat dagang bukanlah berada di bawah undang-undang dan akta syarikat dagang. Mereka mempunyai berbagai hak istimewa namun sekaligus juga mempunyai banyak tanggung jawab dan kewajipan dari segi undang-undang. Pada satu pihak BNBC menjawat kuasa tertinggi di rantau ini, tetapi pada lain pihak BNBC juga dapat didakwa melalui undang-undang mahkamah British.

BNBC dan Penubuhan Sandakan sebagai Pelabuhan Kayu Balak: Kesannya Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Regional

Berawal pada tahun 1881, Sandakan mula berada di bawah pentadbiran BNBC dimana semua polisi diputuskan oleh *the London Summit*. *The London Summit* telah menubuhkan satu Dewan Pengarah (*Courts of Directors*) yang terdiri daripada pemegang saham yang kuat dan diketuai oleh seorang *chairman*. Mereka kemudian melantik seorang gabenor untuk menguruskan pemerintah tempatan. Alfred Dent pada masa itu yang memang mempunyai pengaruh kuasa menjadi *General Manager* BNBC. Treacher, yang semenjak awal telah terbabit dalam penubuhan BNBC kemudian menjadi gabenor pertama Borneo Utara. Di bawah kuasa gabenor ditempatkan residen pada setiap distrik. Pada masa awalnya Borneo Utara hanya dibagi menjadi dua distrik iatu Pantai Timur dan Pantai Barat.

Sebenarnya yang berada dibalik kuasa gabenor adalah pihak Dewan Pengarah yang menguruskan segala perkara BNBC di London. Mereka akan selalu memperoleh berita mengenai segala perkara syarikat dagang di Borneo

Utara ini. Secara teori mereka diusahakan untuk tidak banyak turut campur secara langsung dengan pentadbiran BNBC di Borneo Utara.

Pada tahun-tahun awal pentadbirannya, BNBC mengalami masalah kekurangan kewangan. Hasil pendapatan yang diperolehi tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan pentadbiran, tambahan pula sebelum tahun 1890, jumlah perbelanjaan telah melebihi hasil pendapatan negeri. Hasil pendapatan negeri diperolehi daripada pemberian lesen, kutipan cukai per kepala dan hasil daripada jabatan-jabatan kerajaan seperti Kastam dan Eksais, Jabatan Hutan, Jabatan Tanah, dan Perbandaran. Sedangkan dalam kegiatan pertanian dan perladangan, BNBC menumpukan perhatian pada tanaman seperti tembakau, getah, kelapa dan abaka (*manila hemp*) yang merupakan tanaman eksport sebagai penyumbang yang besar kepada perekonomian Borneo Utara pada akhir abad ke-19.

Kemudiannya, tembakau menjadi tanaman eksport yang penting dan boleh dikatakan sebagai penyelamat kewangan North Borneo. Tembakau mula dieksport pada tahun 1885 dengan nilai \$1,619 dan meningkat kepada \$396,314 pada tahun 1890. Syarikat-syarikat yang memajukan tanaman tembakau di Borneo Utara, antara lain Chinese Sabah Land Farming Co., German Co. dan Count Geloos d'Elsloo (syarikat Belanda dari pulau Jawa). Syarikat-syarikat tersebut ditubuhkan pada tahun 1880an (John and Jackson, 1973, hlm. 92).

Di akhir tahun 1920an tembakau tidak lagi mampu bersaing dengan getah dan kayu balak. Pada tahun 1929 hanya tinggal satu estat tembakau di Borneo Utara milik BNBC di Batu Puteh, Kinabatangan. Satu lagi tanaman eksport yang diperkenalkan di masa awal pemerintahan BNBC ialah getah. Benih getah telah dibawa ke Borneo Utara pada tahun 1882 dari Singapore Botanical Garden. Jika dibandingkan dengan pengeluaran tembakau dan balak, hasil getah lebih mengalami keadaan turun naik yang besar dalam pengeluarannya. Kemelesetan ekonomi dunia telah memberikan kesan yang besar pada getah. Penurunan harga getah menyebabkan nilai eksport getah telah turun kepada hanya \$1,3 juta pada tahun 1931 dengan jumlah eksport 13,99,059 paun. Kondisi pengeluaran getah tidak berapa menjejaskan aktiviti pelabuhan Sandakan kerana getah lebih banyak dikeluarkan di bahagian pantai barat Borneo Utara.

Peranan besar polisi Dewan Pengarah yang dimulai pada tahun 1920 bermula ketika paham liberal dan kapitalis yang seharusnya memberikan kebebasan dalam dunia perdagangan ternyata telah menerapkan polisi monopoli untuk perdagangan kayu balak. Sejak dekad kedua awal abad ke-20 ini kayu balak telah mulai menjadi komoditi utama pelabuhan Sandakan menggantikan tembakau dan komoditi hasil laut lainnya.

Pada period ini, perkembangan ekonomi global sangat berperan besar dalam pengaruhnya di Asia, iaitu dengan semakin meningkatnya permintaan komoditi hasil bumi mahupun hasil hutan terhadap Asia (Tarling, 1992), seperti mana dalam komoditi kayu balak. Sebenarnya kayu balak dari Borneo Utara telah mula dieksport sejak tahun 1883 dan ia merupakan salah satu hasil ekspor yang terpenting dari pantai timur.

Kesedaran yang lebih dalam akan potensi Borneo Utara sebagai kawasan utama kayu balak telah pula disokong oleh satu laporan koresponden dari seorang Pengarah *Sandakan Steam Saw Mills*, J. McLean (CO.855, NBH, 1883):

I went up the Segaliud about forty miles in the Sabine and was very much pleased to find a forest of billion of immense size for this kind of timber --varying from twenty to sixty inches in diameter at ten feet from the ground and from sixty to one hundred feet of straight wood. They are quite close to the river and thickly placed.

I then visited the Kinabatangan River and went up about sixty miles. then steamed up to about twenty miles above the village and found plenty of billion but not quite so large as on the banks of the Segaliud.

Kawasan hutan Borneo Utara mempunyai bilangan dan jumlah yang sangat besar sehingga hampir sebanyak tujuh puluh-delapan jenis pokok yang telah dikenali ada di dalamnya. Beberapa dari jenis ini memiliki nilai dan harga yang tinggi bagi pemakaian di merata dunia. Terutama bagi negara-negara yang sangat memerlukan kayu namun memiliki potensi kawasan hutan yang terbatas seperti China dan Australia, yang mana jarak antara mereka dengan Borneo Utara hanya kira-kira 1000 batu sahaja (NBH, 1886a). Kedua negara ini menjadi destinasi utama sebagai pasaran kayu balak di rantau ini yang utamanya pada period ini pasaran kayu balak masih dikuasai lagi oleh kayu balak dari Amerika Utara.

Kepentingan pantai timur Borneo Utara dalam perkara ini adalah Sandakan, secara geografi dan faktor topografi sangat diuntungkan, iaitu dengan kawasan tepi pantai timur Borneo sepanjang 700 batu yang disokong oleh banyaknya anak-anak sungai dan pelabuhan-pelabuhan minor seperti Kudat, Lahad Dato, Tawau dan Samporna, dan yang lebih penting lagi adalah sungai-sungai besar seperti sungai Kinabatangan sebagai jalan laluan utama kayu balak menuju ke pelabuhan.

Dengan luas kawasan Borneo Utara sebesar 30,000 batu persegi dan

yang sebahagian besar ditutupi oleh hutan tebal yang terdiri dari pokok-pokok tua dengan ketinggian hampir mencapai 100 kaki pada cabang pertamanya, maka tidak diragukan lagi bahawa kayu balak Borneo akan dapat diterima dalam peta perdagangan global. Bahkan dalam perdagangan global kayu balak Borneo telah memiliki nama tersendiri, seperti *Borneo Mahogany*, *Borneo Walnut*, *Borneo Cedar* dan *Borneo Ironwood*.

Bila sekilas dilihat dalam peta dunia, maka akan tampak bahwa Borneo Utara menempati satu posisi strategik dalam kawasan *Malay Archipelago* yang dapat memberikan satu kebolehan bagi para pedagang kayu balak di rantau ini memperolehi keuntungan besar dengan kawasan China, Australia dan juga *Straits Settlements*. Bila ditinjau kembali posisi Borneo Utara dalam jarak dengan Hong Kong dan Melbourne dibandingkan dengan pelabuhan Singapura dan pelabuhan-pelabuhan di Amerika Utara, maka dapat dilihat sebagai berikut (*NBH*, 1886c, hlm. 170-171):

British North Borneo	to Hong Kong, <i>either Monsoon</i> ,	1,300 batu
Singapore	to Hong Kong, <i>fair Monsoon</i> ,	1,490 batu
Singapore	to Hong Kong, <i>against Monsoon</i> ,	1,930 batu
North American Ports	to Hong Kong, <i>fair Monsoon</i> ,	7,200 batu
British North Borneo	to Melbourne, <i>fair Monsoon</i> ,	2,820 batu
British North Borneo	to Melbourne, <i>against Monsoon</i> ,	3,720 batu
North American Ports	to Melbourne, <i>fair Monsoon</i>	12,780 batu

Bila dilihat pada huraian di atas, tampak bahawa Borneo Utara berada pada posisi yang lebih strategik dan memudahkan dalam hal jarak, terutama dari antara dua kawasan pasaran China dan Australia, walaupun Borneo Utara memiliki pesaing kuat dari Singapura dan juga dari negeri jiran, Nusantara-Hindia Belanda, yang lama telah mengeksport kayu balak ke India dan China.

Kayu balak Borneo Utara pun memperoleh sokongan seorang pakar kayu balak dari Australia yang memberikan kenyataan bahawa, dari segi jumlah dan kayu balak yang dapat dikeluarkan terutamanya dari kawasan Teluk Sandakan, maka purata jumlah yang tersimpan adalah sebanyak 60 tan kayu balak siap tebang yang berasal dari kawasan seluas kira-kira 20 juta ekar, dimana sebahagian besar kawasan itu tertutup hutan lebat dan tidak dihuni (*NBH*, 1886c, hlm. 171). Dengan adanya sungai-sungai besar sebagai laluan transportasi kayu balak dan teluk-teluk di sekitar Sandakan yang telah diterokai dan pelabuhan semula jadi dengan kemudahan dan keamanan berlabuh pada sepanjang garis pantai timur Borneo Utara, maka Sandakan adalah salah satu pelabuhan kayu balak yang diperhitungkan dalam peta perdagangan global.

Hasil-hasil hutan yang terdapat di North Borneo diantaranya ialah kayu balak, getah, bakau, damar, sarang burung, rotan, kayu api dan gutta

percha. Sebelum tahun 1915 (John, 1973, hlm. 56-58), tidak terdapat badan pentadbiran yang khusus mentadbir hal ehwal hutan di Sabah, melainkan hanya dikendalikan oleh dua jabatan kerajaan yang berlainan, iaitu Jabatan Tanah dan Jabatan Kastam. Hasil hutan dikutip dalam tiga bentuk: sewa minimal, royalti, duti eksport (*NBAR Forestry Dept.*, 1915, hlm. 10). Salah satu peran dari Jabatan Kastam iaitu mengendalikan pengutipan duti ekspor kayu balak (*NBAR Customs Dept.*, 1909, hlm. 10; 1912, hlm. 8). Dalam hal ini, kayu balak merupakan hasil hutan yang paling penting.

Sejak tahun 1883, Borneo Utara telah mengeluarkan kayu balak sebagai satu komoditi eksport, dengan nilai eksport \$950. Kayu balak ini dikeluarkan oleh Syarikat *China Sabah Land Farming Company* dari kawasan tanah hutan yang mulanya dibuka untuk ditanam dengan tembakau di Teluk Sandakan. Pada tahun 1885 pula, *Australian Borneo Company* telah membuka tanah seluas 100,000 ekar di Residensi Pantai Timur untuk diusahakan sebagai penanaman tebu. Syarikat tersebut telah mengesport kayu balak yang ditebang hasil dari pembukaan hutan yang diusahakan. Pada tahun 1890, nilai eksport kayu balak bernilai \$44,584, dan pada tahun 1902 telah bernilai \$374,911 dengan menempati kedudukan kedua terpenting dalam pendapatan negeri setelah tembakau (John, 1973, hlm. 57).

Kegiatan pembalakan diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Tanah sejak Jabatan Hutan ditubuhkan pada tahun 1915. Jabatan Hutan merupakan badan yang mentadbir hal-hal yang berkaitan dengan perusahaan pembalakan termasuk lesen membalak, memungut royalti hasil pengeluaran kayu balak dan menjalankan pemeriksaan kawasan hutan.

Sifat agresif dari BNBC bermula dengan kesedaran akan potensi perusahaan pembalakan dari segi ekonomi. Potensi ini telah mendorong BNBC untuk membuat satu perubahan yang cukup radikal dalam polisi kayu balak, iaitu dengan menerapkan polisi monopoli. Perkara ini juga disebabkan faktor pengeluaran kayu balak yang amat bergantung kepada pasaran global, yang mengakibatkan perkembangan syarikat ini dipengaruhi oleh situasi di negara-negara pasaran. Ini menimbulkan masalah kepada perkembangan eksport kayu balak. BNBC kemudian membuat keputusan untuk menubuhkan BBTC (*British Borneo Timber Company*). Syarikat ini merupakan syarikat separuh kerajaan dan telah diberikan hak kawalan monopoli mengeluarkan dan mengeksport kayu balak selama 25 tahun di Borneo Utara bermula pada tahun 1920 (Tregonning, 1963, hlm. 82-83).

Sebelumnya syarikat ini bersama-sama dengan beberapa buah syarikat Eropah, China dan Jepun telah bergiat memajukan perusahaan pembalakan di Borneo Utara. Selepas pembentukan BBTC, perusahaan pembalakan telah

menjalani perkembangan dari segi jumlah syarikat, hasil pengeluaran dan jumlah eksport kayu balak. Pembentukan syarikat ini telah memperngaruhi peranan Jabatan Hutan dalam mentadbir kegiatan pembalakan. Pada tahun 1930-an Jabatan Hutan telah mula meluaskan kegiatan pemeliharaan hutan dan kawasan hutan simpan.

Sejak diberlakukannya polisi monopoli ini, yang efektifnya bermula pada tahun 1921, nilai eksport kayu balak telah mula mengatasi nilai eksport tembakau, iaitu sebanyak \$1,45 juta. Sedangkan tembakau pada tahun yang sama mempunyai nilai eksport sebesar \$1,22 juta (*NB Customs Dept.*, 1921, Appendix C). Bahkan perusahaan pembalakan tidak mengalami kesan penurunan yang besar dari hasil pengeluaran dan eksport semasa zaman depresi ekonomi dunia tahun 1929 – 1933. Malah pada tahun 1931 nilai eksport telah meningkat kepada \$3 juta berbanding dengan nilai eksport getah yang turun kepada \$1,3 juta pada tahun yang sama.

Kesimpulan

Pada masa-masa awal setelah ditubuhkannya BNBC, sistem pentadbirannya dapat dihuraikan sebagai satu sistem *autokrasi* namun dengan tidak melupakan kebajikan bagi kepentingan penduduk tempatan. Para pemegang saham di London sememangnya sudah cukup puas memperolehi keuntungan yang kecil dengan menyerahkan konsesi mereka kepada para pelabur/kapitalis daripada mereka harus memaksakan melakukan kutipan pajak dari penduduk tempatan. Sememangnya kejayaan mereka juga bergantung kepada arus masuk para pekerja imigran untuk memenuhi keperluan tenaga kerja pada kawasan-kawasan konsesi mereka.

Semenjak dibentuk BNBC tidak bertujuan menjadi satu syarikat dagang komersil. Namun demikian untuk jangka masa yang ringkas, BNBC kemudian berusaha memperolehi keuntungan dari pajak, yang diperolehi dari pelaburan modal syarikat-syarikat swasta dan dari konsesi tanah. Oleh kerana itu, BNBC membuat rancangan membentuk satu infrastruktur pelabuhan-pelabuhan di kawasan pantai timur, terutama Sandakan serta menggalakkan pelaburan ke Borneo Utara sebagai satu tugas utamanya.

BNBC walaupun merupakan sebuah *Company* dengan tetap karakter British, namun ianya tidak mempunyai kuasa untuk mengalihkan mana-mana teritori dalam kawasan Borneo Utara tanpa ada persetujuan dari Kerajaan British. Dalam penganugerahan *Charter* oleh Kerajaan British, telah disepakati bahawa *Company* dibenarkan mempunyai kuasa dalam transaksi perdagangan namun tidak dalam perkara memberikan kuasa monopoli. Namun secara

praktikal, BNBC telah memberikan kuasa monopoli kepada BBTC dalam mengeluarkan dan mengeksport kayu balak.

Polisi monopoli telah diberlakukan setelah diperolehi hasil penyelidikan akan potensi pembalakan dari segi ekonomi. Tujuan lain adanya polisi ini adalah untuk kawalan kualiti. Selain itu juga karena akibat dari pasaran global dan situasi di negara-negara pasaran yang memengaruhi permintaan kayu balak.

Persaingan dengan Singapura dan pelabuhan-pelabuhan di Amerika Utara pula telah menggalakkan BNBC untuk mengeluarkan polisi monopoli kayubalak. Namun yang lebih penting lagi adalah persaingan dengan potensi hutan Kalimantan, bahagian sebelah selatan British Borneo yang berada di bawah kuasa kolonial Belanda (Hindia Belanda) yang telah sejak lama mengeksport kayu balak ke India dan China.

Ada satu kesedaran yang dalam dari para pemilik modal bahawa masa depan kejayaan dan kemakmuran ekonomi Borneo Utara bergantung pada introduksi modal pelaburan dari luar. Demikian, daya penarik bagi pemodal ini tentu berasaskan pada *profit*. Menurut mereka asas *profit* bagi pemodal ini tidak perlu ada perdebatan lebih lanjut lagi. Asas ini berkaitan dengan kesedaran CD akan prinsip "saling ketergantungan" (*interdependency*), bahawa setiap individu, negara dan setiap kelompok masyarakat lebih kurang akan bergantung pada prinsip "give and take", dengan tujuan untuk mencapai faedah yang saling berbagi antara kepentingan *profit* mereka dan kemajuan perkembangan pelabuhan serta kesejahteraan penduduk tempatan.

Rujukan

- Bhar, S. (1980). Sandakan: Gun Running Village to Timber Center, 1879-1979. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. 53(1), 120-149.
- Black, I. (1976). Interethnic Relations and Culture Change Under Colonial Rule: A Study of Sabah. Dalam G. Appell (Ed.), *Studies in Borneo Societies: Social Process and Anthropological Explanation* (pp. 27-43). DeKalb: Center for Southeast Asian Studies, Northern Illinois University.
- Black, I. (1983). *A Gambling Style of Government: The Establishment of Chartered Company Rule in Sabah, 1879-1915*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- BNBH. (1886). Consular Report. Sandakan, British North Borneo 1885. *Acting Consular Agent Alex Cook to Council General Leys*, Nov. 1. 246-252,

- Forrest, T. (1779). *A Voyage to New Guinea and the Moluccas from Balambangan: Including an Account of Mangindanao, Sooloo and Other Island*. London: G. Scott.
- Furnivall, J. S. (1956). *Colonial Policy and Practice*. New York: New York University Press.
- Handbook of British North Borneo*. (1886). London: W. Clowes.
- Hanizah Idris. (1996). The maritime nexus. *JATI*, 2(1), 64-73.
- John, D and Jackson, J. (1973). The Tobacco Industry of North Borneo: a distinctive form of plantation agriculture. *Journal of Southeast Asian Studies*, 4 (1), 88-106.
- John, D. (1974). The Timber Industry and Forest Administration in Sabah under Chartered Company Rule. *Journal of Southeast Asian Studies*, 5 (1), 55-81.
- Mohammad Raduan Mohd. Ariff. (1995). *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Undang: Sejarah Perkembangan Perikanan di Borneo Utara, 1750-1990*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nazery Khalid. (2008). Ports in South East Asia: Issues and Challenges. *JATI*, 13(1), 23-33.
- Nazery Khalid. (2009). Perancangan Aktiviti-aktiviti Ekonomi Maritim di Malaysia: Ke arah penerapan konsep pembangunan lestari (Planning of Maritime Economic Activities in Malaysia: Towards the practice of sustainable development). *JATI*, 14(1), 77-88.
- NBH. (1883, November).
- NBH. (1886a, Januari).
- NBH. (1886b, 1 April).
- NBH. (1886c, 1 September).
- NBAR Custom Department, 1909, 1912.
- NBAR Forestry Department, 1915
- Ranjit Singh, D. S. (1984). The Structure of the Indigenous Economy in Sabah in the 1860s and 1870s. Dalam Muhammad Abu Bakar, Amarjit Kaur, Abdullah Zakaria Ghazali (Eds.), *Historia: Essays in Commemoration of the 25th Anniversary of the Department of History University Malaya* (pp. 382-402). Kuala Lumpur: The Malaysian Historical Society.
- Rutter, O. (1922). *British North Borneo: An Account of its History, Resources and Natives Tribes*. London: Constable.
- Sivachandralingam Sundara Raja. (2014). Laissez-Faire in the Malay Archipelago: A Western Concept? *JATI*, 19(1), 41-53.
- Tarling, N. (1992). *The Cambridge History of Southeast Asia, The Nineteenth and Twentieth Centuries. Vol.2*. Cambridge: Cambridge University Press.

Pembangunan Pelabuhan Sandakan Oleh British North Borneo Company Dan Kesannya Dalam Perkembangan Ekonomi Regional, 1930an (The Development of Sandakan Por by British North Borneo Company and its Influence on Regional Economic Growth, 1930s)

Tate, D. J. M. (1979). *The making of modern South East Asia. Volume II. The Western impact: Economic and social change*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Tregonning, K. G. (1965). *A History of Modern Sabah*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.